

## **ADAB-ADAB MASJID MENGIKUT SUDUT PANDANG IMAM NAWAWI DALAM KITAB RIYADUSSOLIHIN**

**Mohd Asri bin Ishak,<sup>1</sup> Mohd Norzi bin Nasir,<sup>1</sup> & Fatin Nazmin binti  
Mansor<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Mohd Asri bin Ishak. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: asri@uis.edu.my.

### **Abstrak**

Imam Nawawi Rahimahullah adalah seorang tokoh cendekiawan Islam yang sangat dikagumi. Keilmuan dan kefaqihannya terbukti dengan penulisannya yang sehingga kini menjadi rujukan para penuntut ilmu. Kertas kerja ini berkaitan sudut pandang Imam Nawawi rahimahullah dalam adab-adab masjid dalam karyanya Riyadussolihin. Bagi menyempurnakan kajian ini, metodologi yang digunakan adalah berasaskan pengumpulan data, analisis maklumat dan kualitatif kepustakaan. Data yang dikumpulkan adalah berasaskan kepada kitab Riyadussolihin sebagai rujukan utama, kitab syarah kepada Riyadussolihin dan juga artikel serta jurnal ilmiah yang ada kaitan tentang tajuk ini. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 4 adab utama yang diberikan oleh Imam Nawawi dalam kita menjaga kemuliaan dan ketinggian masjid. Antaranya larangan meludah di masjid, tidak meninggikan suara dan melakukan jual beli di masjid, tidak datang ke masjid dalam keadaan diri berbau busuk dan adab duduk didalam masjid ketika imam sedang berkhotbah.

**Kata kunci:** Adab-Adab, Masjid, Imam Nawawi, Kitab Riyadussolihin.

## **(THE ADAB IN THE MOSQUE ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF IMAM NAWAWI IN KITAB RIYADUSSOLIHIN)**

### **Abstract**

*Imam Nawawi Rahimahullah is a highly revered Islamic scholar. His knowledge and expertise in fiqh are evident through his writings, which continue to be a reference for students of knowledge. This paper discusses the perspective of Imam Nawawi Rahimahullah on the adab (manners) in the mosque as found in his work Riyadussolihin. To complete this study, the methodology used is based on data collection, information analysis, and qualitative library research. The data collected are primarily based on the book Riyadussolihin as the main reference, its commentaries, as well as articles and academic journals related to this topic. The findings of the study show that there are four main adab emphasised by Imam Nawawi in preserving the sanctity and dignity of the mosque. These include the prohibition of spitting in the mosque, not raising one's voice or conducting trade in the mosque, refraining from attending the mosque with an unpleasant odour, and the proper etiquette of sitting in the mosque when the imam is delivering the sermon.*

**Keywords:** Adab, Mosque, Imam Nawawi, Riyadussolihin.

Received: September 9, 2024

Accepted: November 15, 2024

Online Published: December 31, 2024

### **1. Pendahuluan**

Masjid merupakan tempat yang suci dan mulia bagi ummat Islam. Tempat perkumpulan ummat Islam untuk melaksanakan ibadah kepada Allah dan merupakan pusat segala aktiviti sosial, ekonomi dan lain-lain dalam pembangunan ummat Islam sejagat. Ibnu Manzur (1997) dalam menterjemahkan makna masjid, beliau menyatakan masjid merupakan *ism makan* (nama bagi tempat) yang bererti tempat orang sujud di atasnya. Manakala Az Zujaj dalam *Maani Al Quran* mendefinisikan masjid sebagai semua tempat yang ada padanya orang beribadah kepada Allah.

Masjid juga merupakan tempat yang paling disukai oleh Allah S.W.T. Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

(أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا، وَأَبْغَضُ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ أَسْوَافُهَا)

*Tempat paling disukai oleh Allah adalah masjid-masjidnya dan tempat yang paling dibenci oleh Allah adalah pasar-pasarnya. (Riwayat Muslim No Hadis 671)*

Imam al-Nawawi di dalam kitabnya Al Minhaj ketika mererangkan apa yang dimaksudkan oleh hadis tersebut, beliau menyatakan bahawa masjid-masjid adalah tempat yang paling disukai oleh Allah, ini kerana masjid merupakan tempat yang padanya terdapat ketaatan hamba kepada tuhanNya serta ia dibina dengan asas ketaqwaan. Manakala tempat yang dibenci oleh Allah adalah pasar-pasar. Ini disebabkan kerana di pasar banyak berlakunya penipuan, tipu daya, riba, sumpah yang palsu, pemungkiran janji, tempat yang manusia jauh dari mengingati Allah dan sebagainya. Makna suka dan benci Allah adalah Allah menghendaki akan kebaikan dan juga keburukan. Selain itu, dengan perbuatan-Nya itu akan menyebabkan seseorang itu gembira atau berduka. Tambahan pula, masjid-masjid merupakan tempat turunnya rahmat dan pasar-pasar merupakan sebaliknya. Dalam Islam masjid juga disebut sebagai rumah Allah. Nabi S.A.W bersabda dalam sebuah hadis:

(مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ كَانَتْ خَطْوَتَاهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً)

*Barang siapa yang bersuci di rumahnya kemudian berjalan menuju ke salah satu dari rumah-rumah Allah (masjid) dengan tujuan untuk menunaikan solat yang telah difardukan oleh Allah, maka kedua langkah kakinya itu, salah satunya menghapuskan dosa dan yang lain pula mengangkat darjatnya. Riwayat Muslim (1553)*

Dalam Al-Quran pula Allah S.W.T berfirman yang bermaksud, “dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah kepunyaan Allah.” – (Surah al-Jinn: 18). Dalam sebuah hadis Qudsi, Allah berfirman yang bermaksud, “sesungguhnya rumah-rumahKu di bumi ialah masjid.” (hadis riwayat Imam at Tabrani). Menurut (Jasmi, 2008) oleh kerana rumah Allah di dunia adalah masjid, maka Islam telah memperkenalkan protokol dan tatacara yang sesuai dengan kebesaran rumah tersebut untuk diamalkan oleh ummat Islam di dunia ini. Gambaran protokol ini boleh digambarkan sebagaimana ummat manusia yang dijemput ke istana raja di dunia. Mereka akan memerhatikan pakaian yang sesuai, buah tangan yang setaraf dengan kedudukan raja dan mengetahui, mempraktikkan protokol yang telah digariskan di istana agar tidak dimurkai oleh raja yang menjemputnya. Namun begitu, gambaran ini tidak boleh menyamai dengan Raja bagi segala raja, iaitu Allah s.w.t dengan segala kebesaran dan keagunganNya, kerana Dia tiada tandingannya dengan raja-raja di dunia.

## 2. Perbincangan

2.1 Abad-adab masjid sudut pandang Imam Nawawi dalam Kitab Riyadussolihin. Imam Nawawi Rahimahullah adalah seorang tokoh ilmunya yang sangat terulung. Namanya meniti setiap bibir para pencinta ilmu agama. Dalam segala bidang dan sudut ilmu pasti ada karya-karya ulungnya menjadi rujukan para pencinta ilmu. Menurut (Ahmad Nabil Amir 2023) Kajian menunjukkan bahawa karya-karya Imam al-Nawawi telah memberi pengaruh yang luas dalam pemikiran sunni Islam dan dalam pengembangan aliran mazhab tradisional al-Shafi'i dan tradisi ortodoksnya.

Antara karya ulung Imam Nawawi Rahimahullah adalah Riyadussolihin .Menurut (Kamarul Azmi Jasmi 2004) Kitab Riyad al-Solihin pula merupakan salah satu hasil karya yang dianggap oleh sebahagian besar ulama sebagai rujukan asas kedua selepas al-Quran. Justeru itu, kitab ini menjadi pilihan untuk diterjemahkan ke puluhan bahasa dunia. Kitab ini merupakan intipati kepada pembangunan insan yang menyeluruh dan lengkap dan sudah memadai untuk dijadikan pedoman bagi membentuk insan soleh. Hampir keseluruhan Kitab Riyad al-Solihin adalah cedukan al-Quran dan al-Sunnah yang menghimpunkan pengetahuan kenabian yang diperlukan oleh manusia.

Dalam kitab Riyadussolihin Imam Nawawi Rahimahullah telah mengumpulkan banyak hadis-hadis tentang adab-adab dan akhlak dalam kehidupan seharian. Aspek-aspek berkaitan larangan-larangan dalam agama telah dijadikan satu tajuk besar .Dalam Kitab Hal-hal yang Dilarang, Imam Nawawi Rahimahullah telah memasukkan 4 tajuk besar berkaitan adab-adab masjid dari sudut pandangnya, 4 perkara tersebut adalah larangan yang perlu dijaui oleh setiap orang Islam yang hadir ke masjid bagi menjaga kemuliaan dan keizzahan masjid.

- i. Larangan meludah di masjid dan perintah menghilangkannya sekira mendapatinya serta suruhan membersihkan masjid dari sebarang kekotoran.

Antara adab masjid yang diletakkan oleh Imam Nawawi Rahimahullah dalam Kitab Riyadussolihin adalah larangan meludah di dalam masjid dan mengotori masjid . Imam Nawawi telah mendatangkan 3 hadis dalam bab ini. Menurut (Syeikh Salim bin Ied al Hilali ) haram membuang kotoran di masjid baik ludah ,hingus dan lain-lain .Seseorang yang membuang kotoran di masjid wajib menghilangkan dan membersihkannya segera agar dia terlepas dari dosa mengotori rumah Allah yang mulia.

Nabi S.A.W bersabda :

(البصاق في المسجد خطيئة وكفارتها دفنها)

*Meludah di dalam masjid ialah suatu kesalahan dan kaffarahnya ialah dengan menimbusnya.* (Riwayat al-Bukhari ,415 dan Muslim ,552)

Syeikh Abdullah al-Bassam(2003) berkata: “Meludah atau perkara yang serupa seperti melemparkan lendir di dalam masjid adalah perbuatan dosa dan salah. Ini kerana tindakan ini menunjukkan sikap kurang menghormati masjid, dan Allah SWT berfirman: “Dan sesiapa yang mengagungkan peraturan-peraturan Allah, maka itulah yang lebih baik baginya di sisi Tuhan.” (Surah al-Hajj: 30).

Yang dimaksudkan dengan “meludah” di sini adalah jika seseorang melakukan perbuatan itu tanpa disengajakan, maka itu adalah suatu kesalahan yang diampuni dosanya. Ini dikuatkan dengan apa yang terdapat dalam hadith al-Bukhari (414) dan Muslim (548), yang menyatakan bahawa Nabi SAW ternampak kahak pada qiblat masjid. Baginda SAW terus mengikisnya dengan sebiji anak batu. Kemudian Baginda melarang seseorang daripada meludah ke arah hadapannya atau ke sebelah kanannya, sebaliknya dia boleh meludah ke sebelah kirinya atau ke bawah tapak kaki kirinya.”

Imam al-Nawawi menyatakan: “Maksudnya dengan “menimbusnya” adalah apabila masjid itu dibuat daripada tanah atau pasir, dan ditimbuskan ludah itu di bawah tanah

masjid. Abu al-Muhasin al-Ruwaini, salah seorang ulama daripada mazhab al-Syafi'i berkata, dalam kitabnya al-Bahr berkata: Maksud sebenar dengan "menimbusnya" adalah mengeluarkannya daripada dalam masjid. Namun, jika masjid itu dibina dengan lantai yang dipadatkan atau diubahsuai, maka ia boleh dibersihkan dengan menggunakan alat seperti penyapu, seperti yang dilakukan oleh sesetengah orang yang kurang berpengetahuan (jahil). Ini tidak dianggap sebagai menimbus, bahkan lebih kepada menambahkan kesalahan dan meningkatkan kekotoran dalam masjid. Orang yang melakukan perbuatan tersebut perlu membersihkannya selepas itu dengan menggunakan kain atau tangan mereka sendiri atau dengan cara lain atau mencucinya."

Dr Zulkifli Al Bakri ( 2023 ) membuat kesimpulan bahawa hukum meludah di dalam masjid adalah perbuatan yang salah dan boleh mendatangkan dosa, dan kaffarahnya adalah dengan menimbusnya, iaitu dengan membersihkan ludahan tersebut. Hadis yang membenarkan ludah ketika solat di sebelah kiri tapak kaki itu pula diizinkan jika perbuatan tersebut dilakukan di luar masjid. Adapun yang terbaik dalam hal ini adalah sekiranya terpaksa meludah, maka ludahlah di dalam sapu tangan ataupun dalam poket baju, tambahan pula dalam zaman sekarang ini, semua masjid berlantaikan karpet dan mesti dijaga kebersihannya.

- ii. Makruh bertengkar, meninggikan suara, mencari barang yang hilang, melakukan jual beli, sewa menyewa dan yang seumpama dengannya di masjid.

Dalam bab ini, Imam Nawawi telah meletakkan beberapa adab masjid yang dirangkumi menjadi satu tajuk dalam bab.

Antara adab yang perlu dijaga oleh seorang muslim bilamana memasuki masjid adalah seperti berikut :

- a. Tidak meninggikan suara ketika di masjid .

Imam Nawawi telah meletakkan hadis. Daripada al-Sa'ib bin Yazid, katanya:

(كُنْتُ قَائِمًا فِي الْمَسْجِدِ فَحَصَبَنِي رَجُلٌ، فَتَنَظَّرْتُ فَإِذَا عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ، فَقَالَ: أَذْهَبَ قَاتِنِي يَهْدَيْنِ، فَجِئْتُهُ بِهِمَا، قَالَ: مَنْ أَنْتُمَا؟ - أَوْ مِنْ أَيْنَ أَنْتُمَا؟ - قَالَا: مِنْ أَهْلِ الطَّائِفِ، قَالَ: لَوْ كُنْتُمَا مِنْ أَهْلِ الْبَلَدِ لَأَوْجَعْتُكُمَا، تَرْفَعَانِ أَصْوَاتَكُمَا فِي مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ).

Suatu ketika aku berdiri di dalam masjid. Tiba-tiba ada seorang lelaki melempariku dengan batu kerikil. Lalu aku melihat (ke arah itu), ternyata dia Umar bin al-Khattab. Lalu beliau berkata: "Pergi dan bawa kepadaku dua orang ini." Maka aku datang kepadanya dengan membawa dua orang yang dimaksudkan. Umar bertanya: "Siapa kamu berdua? – atau dari manakah kamu berdua?" – Mereka berdua menjawab: "Kami berasal dari Ta'if." Beliau (Umar) berkata: "Sekiranya kamu berdua berasal dari penduduk negeri ini, nescaya aku akan pukul kamu berdua, kerana meninggikan suara di dalam Masjid Rasulullah SAW." (Riwayat al-Bukhari, 470).

Larangan meninggikan suara di masjid ini adalah pada perkara-perkara yang tidak berfaedah adapun sekiranya meninggikan suara pada perkara yang perlu seperti ketika berkhotbah dan mengajar maka ketika itu diharuskan . Syeikh Salim Al Ied al hilali

mengatakan larangan meninggikan suara di masjid adalah kerana kkuatir ianya akan mengganggu orang lain yang sedang beribadah di masjid

b. Tidak mencari barang yang hilang di masjid .

Ini berdasarkan hadis dari Abu Hurairah Radiyallahhu anhu, Nabi S.A.W bersabda:

(من سمع رجلا ينشد ضالة في المسجد فليقل : لا ردها الله عليك فإن المساجد لم تبن لهذا)

*Barang siapa yang mendengar seseorang mengumumkan barang hilang di masjid, maka katakanlah padanya: semoga Allah tidak mengembalikan barang tersebut kepadamu, kerana masjid tidak dibangunkan untuk itu ( Hadis riwayat Muslim 568)*

Imam Nawawi rahimahullah menjelaskan nabi memerintahkan untuk mendoakan yang demikian sebagai hukuman bagi orang yang melakukannya terhadap pelanggaran arahan dan maksiat yang dia telah lakukan.

Ibn Abd al-Barr dalam *Al Istizkar* menyatakan: Allah telah menyebut bahawa tujuan masjid dibina adalah untuk meninggikan dan menyebut-nyebut Nama-Nya, dan bertasbih dengan-Nya pada setiap pagi dan petang. Atas alasan ini maka masjid dibina,oleh itu kita haruslah menyucikan masjid daripada perkara yang bukan dalam tujuan asal pembinaannya.

Dr Zulkifli Al Bakri berpendapat mencari barang hilang bukanlah tempatnya di masjid. Manakala, bagi orang menjumpai barang hilang, dia juga tidak perlu mengangkat suara untuk mewar-warkan barang yang hilang di masjid. Kami cadangkan cukup agar diwar-warkan dengan cara tulisan dipaparkan di papan kenyataan. Sebutkan jenis barang yang hilang dan jika ada orang yang menuntut, minta si pencari itu nyatakan sifat barang yang sebelum diserahkan.

c. Tidak melakukan sebarang urusan jual beli sewa menyewa di dalam masjid .

Imam Nawawi rahimahullah telah meletakkan dua hadis Nabi S.A.W berkaitan larangan Nabi supaya tidak melakukan jual beli di dalam masjid. Hadis yang dinukilkan dari Amru bin Syuib dari ayahnya:

(أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَيَّ عَنِ الشِّرَاءِ وَالْبَيْعِ فِي الْمَسْجِدِ، وَأَنْ تُنْشَدَ فِيهِ ضَالَّةٌ، وَأَنْ يُنْشَدَ فِيهِ شِعْرٌ).

*Rasulullah S.A.W melarang urusan jual beli di masjid ,mewawarkan kehilangan barang dan melantunkan syair di masjid.*

Menurut (Syiekh Salim) bahawa jual beli di masjid dianggap sebagai aktiviti keduniaan yang tidak boleh bercampur dengan aktiviti ibadah bagi menambah saham akhirat.Oleh yang demikian, jual beli di masjid adalah tidak dibenarkan dan dilarang dalam Islam. Sabda Nabi S.A.W dalam sebuah hadis yang lain:

(إِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَبِيعُ أَوْ يَبْتَاعُ فِي الْمَسْجِدِ. فَقُولُوا: لَا أَرْبَحَ اللَّهُ بِتِجَارَتِكَ.)

*Sekiranya kamu melihat seseorang yang menjual dan membeli di dalam masjid, maka katakanlah kepadanya: “Semoga Allah tidak menguntungkan perniagaan kamu. (Riwayat al-Tirmizi)*

Menurut jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke 56. Masjid adalah bangunan yang diwakafkan atau dikhaskan secara kekal untuk masyarakat Islam mendirikan solat jemaah lima waktu dan lain-lain ibadah. Mana-mana bangunan yang dibina sekalipun berdekatan atau bersambung dengan masjid atau di dalam kawasan pagar masjid tetapi tidak dikhaskan atau diwakafkan untuk tujuan berjemaah lima waktu dan ibadah tidak dikira sebagai masjid. Hukum menjual beli dalam masjid adalah seperti berikut;

- 1) Sengaja menjadikan atau menggunakan masjid sebagai tempat jual beli sekalipun dalam kuantiti yang sedikit adalah diharamkan berdasarkan itifaq (kesepakatan) ulama.
  - 2) Transaksi perniagaan atau kempen jualan di dalam masjid yang berlaku tanpa berniat menjadikan masjid sebagai tempat perniagaan, maka para ulama berbeza pandangan mengenainya. Kesimpulannya adalah seperti berikut:
    - a. Jika mengganggu suasana ibadah di dalam masjid, sama ada dengan suara yang hiruk-pikuk atau keadaan barangan yang dibawa adalah haram.
    - b. Jika berlaku secara kebetulan tanpa bermaksud menjadikan masjid sebagai tempat menjual beli dan tidak mengganggu suasana ibadah adalah makruh.
    - c. Jika berlaku transaksi atas talian tanpa menzahirkan apa-apa suasana jual-beli di dalam masjid adalah makruh.
- iii. Larangan bagi sesiapa yang makan bawang putih, bawang besar dan daun bawang atau sesuatu makanan yang berbau kurang enak dari memasuki masjid sebelum bauan tersebut dihilangkan kecuali sekiranya terpaksa.

Masjid merupakan tempat perkumpulan manusia, kehadiran jemaah ke masjid adalah untuk beribadah kepada Allah, seorang hamba memerlukan keadaan yang tenang dan selesa dari sebarang gangguan bagi mendapatkan kualiti ibadah yang sempurna. Maka Islam meletakkan garis panduan bagi setiap tetamu rumah Allah agar hadir ke rumah Allah dalam keadaan yang bersih dan berbau wangi, bau yang busuk dan tidak menyenangkan akan menyebabkan jemaah lain yang hadir ke masjid akan terganggu.

Imam Nawawi Rahimahullah telah memilih beberapa hadis larangan bagi orang yang makan makanan yang berbau seperti bawang putih, bawang besar dan makanan-makanan yang meninggalkan kesan bau yang busuk supaya menghilangkan bau tersebut terlebih dahulu sebelum hadir ke masjid. Antara hadis yang dinyatakan adalah, hadis dari Ibnu Umar Radiyallahhu anhu, sesungguhnya Nabi S.A.W. bersabda:

(مَنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ - يَعْنِي الثُّومَ - فَلَا يَقْرَبَنَّ مَسْجِدَنَا)

*Sesiapa yang makan dari pohon ini - iaitu bawang putih - maka janganlah dia mendekati masjid kami. Hadis riwayat Imam Al-Bukhari (853)*

Faedah yang boleh dikeluarkan dari hadis ini adalah, dilarang bagi seseorang yang memakan makanan yang berbau busuk untuk menghadirkan diri ke masjid bagi solat berjemaah. Ini kerana, solat berjemaah bukan semata melibatkan hubungan seseorang dengan Allah S.W.T, bahkan dalam masa yang sama ia melibatkan hubungan manusia dengan manusia-manusia yang lain. Islam merupakan agama yang meraikan perasaan dan keselesaan orang lain, justeru dilarang bagi mereka yang baru lepas memakan makanan yang berbau untuk hadir ke masjid dan juga tempat-tempat ibadah lain yang terdapat padanya orang ramai (Kafi lil al-fatawi 2020).

Dalam menerangkan hadis ini Imam Al-Nawawi berkata : “Para ulama mengkiaskan ke atas hadis ini juga terhadap tempat-tempat solat yang lain selain dari masjid seperti *musolla* hari raya, solat jenazah, dan seumpamanya daripada tempat-tempat orang ramai berkumpul bagi beribadah. Demikian juga tempat-tempat orang berkumpul untuk menuntut ilmu, majlis zikir, kenduri-kenduri kahwin dan sebagainya. Namun ia tidak terkait dengan pasar-pasar dan tempat seumpamanya.

Kami ( kafi li al-fatawi 2020) juga menambah bahawa larangan di dalam hadis tersebut tidaklah merujuk kepada bawang putih atau bawang merah sahaja, bahkan turut meliputi segala makanan lain atau selain makanan seperti rokok yang menghasilkan bau yang busuk yang boleh menyebabkan gangguan pada para jemaah yang lain. Ini kerana dalam riwayat yang lain Rasulullah S.A.W menyebut:

(وَلَا يُؤْذِنُنَا بِرِيحِ الثُّومِ)

Janganlah dia menyakiti kami dengan bau bawang tersebut. ( Hadis riwayat Imam Muslim (562)

Oleh yang demikian setiap bau yang boleh memberikan gangguan kepada para jemaah turut termasuk dalam larangan hadis ini. Manakala berkenaan dengan larangan di dalam hadis ini, adakah ia merujuk kepada hukum haram atau makruh, maka kami katakan bahawa para ulama menghukumkan ia sebagai perbuatan yang makruh dan tidak sampai kepada hukum haram.

- iv. Makruh duduk dengan menegakkan kedua lutut ke perut pada hari Jumaat. Antara adab masjid yang dinyatakan oleh Imam Nawawi di dalam Kitab Riyadussolihin adalah tatacara duduk yang sopan dan tertib,terutamanya ketika mendengar khutbah pada hari Jumaat. Imam Nawawi mendatangkan hadis larangan duduk dengan menegakkan kedua lutut ke perut seperti mana sabda Nabi S.A.W. Dari Muaz bin Anas Al Juhani:

(أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الْخَبْوَةِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ، وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ)

Nabi S.A.W melarang dari duduk hibwah pada hari Jumaat ketika imam sedang berkhutbah. (Hadis riwayat Abu Daud dan Tirmizi )

Hibwah dalam hadis membawa maksud melipat kedua peha ke perut dengan pakaian yang seakan menggabungkan antara keduanya dan punggung kaki diikat ke



punggung.(Sykh Salim bin Ied). Menurut (Sykh Salim bin Ied Al Hilali ) duduk dengan cara yang sebegini boleh menyebabkan seseorang itu tertidur hingga mengakibatkan seseorang itu tidak dapat mendengar khutbah Jumaat dengan baik di samping terkadang boleh menyebabkan seseorang itu terbatal wuduknya tanpa disedari .

## RUJUKAN

- Aiyash, S. b. (n.d.). *Sunan Abi Daud*. Dar Ar Risalah.
- Amir, A. N. (2023). Imam Nawawi Latar Belakang dan Pengaruhnya . *Online Journal Of Research In Islamic Studies*, 1-16.
- Hajjaj, M. b. (1431). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' Thurath.
- Hilali, S. I. (1997). *Bahjatul Nazirin Fi Syarah Riyadussolihin*. Jeddah : Dar Ibnu Jauzi  
[muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/705-hukum-berjual-beli-di-dalam-masjid-2](https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/705-hukum-berjual-beli-di-dalam-masjid-2)
- Jasmi, K. A. (2008). Tatacara Adab Mengimarrah Masjid. In *Pengimarahen Masjid Dalam Agenda Ummah* (pp. 15-41). Skudai: UTM.
- Nasir, M. b. (1422 H). *Sahih Imam Bukhari* . Bierut: Dar Tuq Najah.
- Nawawi, A. (2009). *Riyadussolihin*. Dar Ibnu Jauzi.
- Nawawi, A. Z. (1392 H). *Mihaj Syarah Sahih Muslim*. Bierut: Dar Ihya' Thurath.
- Rusli, M. F. (11 Mac, 2020). *Al Kafi Lil Fatawi*. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4311-al-kafi-1653-hukum-hadir-ke-masjid-selepas-hisap-rokok-atau-selepas-makan-makanan-berbau>.
- Tirmizi, M. b. (1975). *Jami' At Tirmizi*. Maktabah Mustafa.
- Zujjaj, A. I. (1988). *Maani Al Quran wa I'rabih*. Bierut: Maktabah A'limul Al Kutub.